

## **BAB 2**

### **BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

#### **BAHASA ARAB**

##### **2.0 Pendahuluan**

Pada era ini, sesungguhnya pendidikan merupakan sesuatu yang sangat penting dan perlu dipandang serius oleh semua golongan masyarakat. Guru pula adalah sebagai pendidik dan penyampai ilmu pengetahuan kepada murid. Guru juga adalah pihak yang bertanggungjawab dalam menentukan arah dan matlamat, kaedah dan teknik pengajaran, serta kepastian untuk mencapai objektif serta memenuhi hasrat pendidikan negara kita.

Dalam penyampaian sesuatu pengajaran, terutamanya pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing, penggunaan bahan dan alat bantu mengajar yang sesuai dan menarik adalah amat penting. Bahan bantu yang sering digunakan dalam pembelajaran sebenarnya bukan sahaja digunakan oleh guru dalam menyampaikan sesuatu pelajaran tetapi bahan ini juga boleh digunakan sendiri oleh murid untuk mempelajarinya. Begitu juga halnya dengan pembelajaran bahasa Arab, penggunaan BBM adalah sangat digalakkan bagi menarik minat para murid dalam menguasai bahasa dengan lebih baik dan berkesan.

Oleh itu, bahan atau alat bantu mengajar menjadi teras dan berfungsi sebagai fokus utama untuk semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Walau apa pun teknik atau kaedah yang dilakukan, matlamatnya adalah untuk menjelaskan isi pelajarannya. Pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah amat memerlukan penggunaan BBM bagi menguasai keempat-empat kemahiran berbahasa tersebut. Hal ini telah disokong oleh Carol (1963), bahawa semua aspek kemahiran bertutur dan menulis dalam bahasa boleh diajar secara

berkesan dengan menggunakan alat pandang dengar sebagai bahan bantu yang terancang walaupun tanpa bantuan seorang guru. Menurut Leela Mohd Ali dan Graham Thurgood (1991), bahan pengajaran adalah berkait rapat dengan pengajaran seseorang guru. Selain pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan dalam sesuatu pengajaran, bahan pengajaran mempunyai peranan yang besar dalam menentukan kelicinan dan keberkesanan pengajaran.

## **2.1 Kajian Berkaitan**

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana lain berkaitan dengan kajian ini. Namun begitu, kebanyakan pengkaji menjalankan kajian di peringkat sekolah menengah. Kajian yang dijalankan terhadap sekolah rendah mengenai pendidikan bahasa Arab adalah sangat berkurangan kerana bahasa Arab di sekolah rendah agak baru diperkenalkan. Antaranya Rahim @ Saleh (2009) telah menjalankan kajian mengenai penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah kebangsaan menerusi program j-QAF : satu kajian kes. Beliau telah mendapati kajian pada peringkat sekolah rendah belum banyak lagi dikaji oleh para sarjana memandangkan usia bahasa Arab di sekolah rendah ini masih relatif muda. Justeru, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah kebangsaan masih belum mencukupi berbanding bahan seumpamanya di peringkat sekolah menengah dan universiti.

Selain itu, kajian yang telah dijalankan oleh Asad Awang (1995) mengenai keberkesanan penggunaan ABM dalam penguasaan perbendaharaan kata dalam bahasa Arab di sebuah Sekolah Kebangsaan Agama di Perak. Beliau mendapati alat bantu mengajar dapat membantu murid dalam penguasaan perbendaharaan kata dalam bahasa Arab.

Mohd Azidan (1999) pula telah menjalankan kajian mengenai persepsi guru bahasa Arab terhadap penggunaan alat bantu mengajar. Hasil daripada kajian, beliau mendapati bahawa daripada 40 orang responden yang disoal selidik, didapati sebanyak 38 orang (95%) mengakui wujudnya perbezaan antara pengajaran bahasa Arab yang menggunakan ABM dengan yang tidak menggunakan ABM.

Sekali lagi Mohd Azidan (2000) telah membuat kajian mengenai penilaian murid menengah terhadap keberkesanan penggunaan ABM dalam mata pelajaran bahasa Arab peringkat sekolah menengah. Kajian menggunakan soal selidik ini telah dijalankan terhadap 100 orang murid mewakili beberapa buah sekolah menengah di negeri Selangor. Hasil kajian beliau juga telah memberikan tanggapan positif murid terhadap pengajaran bahasa Arab yang menggunakan ABM yang mana telah memberikan kesan positif juga terhadap tahap kefahaman mereka. Hal ini terbukti apabila 29 orang responden (29%) menyatakan mereka sangat faham apabila pengajaran bahasa Arab disampaikan dengan menggunakan ABM. Sebanyak 71 orang (71%) menyatakan mereka faham apabila pengajaran bahasa Arab disampaikan dengan menggunakan ABM.

Kajian Saw (1999) dijalankan bertujuan untuk menentukan keberkesanan animasi dalam pembelajaran konsep dengan menggunakan komputer. Turut dikaji ialah setakat mana animasi dapat membantu pembelajaran dari segi meningkatkan ingatan dan kefahaman. Subjek terdiri daripada 48 murid sekolah menengah tingkatan empat. Kandungan bahan pembelajaran ialah konsep mitosis dalam mata pelajaran biologi. Subjek dibahagikan kepada dua kategori berdasarkan tahap pencapaian dalam mata pelajaran Sains. Subjek dari setiap kategori ditunjukkan sama ada dengan persembahan animasi, rajah statik atau tidak. Keputusan kajian mendapati bahawa skor ujian-pos (ingatan dan kefahaman) ketiga-

tiga kumpulan persembahan tidak menunjukkan perbezaan yang bererti dan keputusan yang sama ditonjolkan oleh subjek dari kategori tinggi atau rendah pencapaian Sains.

Kajian lain yang telah dijalankan oleh Jalinah Jaji (2006) iaitu mengenai keberkesanan kaedah alat bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa kedua : analisis penggunaan alat linguaphone. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah alat bantu linguaphone dalam pembelajaran bahasa kedua terutama keberkesananannya dari segi pertuturan, kefahaman, sebutan, perbendaharaan kata, bacaan, penulisan dan tatabahasa setelah melihat tiga kaedah utama linguaphone iaitu kaedah mendengar, bertutur dan memahami dengan menggunakan alat-alat bantu seperti alat bantu audio, visual dan buku. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang responden yang menggunakan alat bantu bantu linguaphone dalam proses pengajaran bahasa kedua mereka. Berdasarkan analisis yang dibuat, didapati penggunaan alat bantu linguaphone ini hanya berkesan dalam beberapa aspek sahaja terutama dari segi perbendaharaan kata, kefahaman sebutan dan bacaan sahaja. Manakala aspek-aspek lain seperti aspek tatabahasa, pertuturan dan penulisan didapati tahap keberkesananannya adalah kurang.

Konklusinya, kebanyakan kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memberi perkembangan yang positif. Oleh itu, guru seharusnya memikirkan cara yang terbaik dalam mengajar terutamanya untuk murid-murid pada peringkat rendah bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Lebih-lebih lagi dalam usaha memartabatkan lagi bahasa Arab di persada dunia.

## **2.2 Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab**

Pembelajaran bahasa Arab telah pun bermula sejak kedatangan Islam lagi. Pada peringkat permulaan, pembelajarannya hanyalah terbatas kepada aktiviti memahami ilmu-ilmu Islam dan menunaikan kewajipan Islam. Menurut Zainur Rijal dan Rosni Samah (2007: 60), pengajaran bahasa Arab di Malaysia pada zaman dahulu bersifat tidak formal yang diajar di pondok atau madrasah.

Namun begitu, pembelajaran bahasa Arab kini telah berkembang untuk tujuan-tujuan lain dan tidak terbatas untuk tujuan ibadah semata-mata malahan telah meliputi bidang-bidang yang lain seperti pendidikan, ekonomi, perdagangan dan sebagainya. Pusat-pusat pengajiannya juga berkembang mengikut perkembangan pusat pengajian Islam yang bermula di tempat-tempat ibadah dan istana. Kemudian ia berkembang dengan munculnya sistem pondok dan akhirnya sistem ini berubah kepada sistem madrasah. Pada akhir kurun ke 20, sekitar tahun 70-an, pembelajaran bahasa Arab berkembang dalam sistem persekolahan kebangsaan dengan ditawarkan subjek bahasa Arab di sekolah menengah kebangsaan.

Walau bagaimanapun, sistem pondok ini masih terdapat di sesetengah tempat khususnya di negeri Kelantan dan Kedah tetapi dengan mengalami beberapa perubahan ke arah kemodenan sama ada dari segi pengajian, sukatan pelajaran yang khusus, kemudahan infrastruktur dan banyak lagi. Pada masa kini, bilangan sekolah-sekolah pondok di Malaysia semakin berkurangan dan sebahagian besarnya telah berubah dari segi sistem pengajaran dan pentadbiran. (Zainur Rijal & Rosni Samah, 2007: 60).

Menurut Hassan Basri (2003: 164), meskipun kedatangan bahasa Arab sezaman dengan kedatangan Islam, namun tidak ada catatan yang jelas menunjukkan bagaimana pembelajaran berlaku pada masa itu. Kebanyakan perbincangan dan penulisan tentang perkara tersebut hanyalah berkisar pada zaman sebelum dan selepas merdeka iaitu zaman sekolah pondok hinggalah bahasa Arab dijadikan suatu kurikulum tersendiri dalam sukatan pelajaran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam galur perkembangan yang pelbagai, objektif dan pendekatan turut berubah mengikut suasana perkembangan tersebut. Begitu juga dengan kurikulumnya yang turut menerima perubahan. Sepanjang perubahan dan perkembangan pembelajaran bahasa Arab yang memakan masa yang sama, masih terdapat juga kekurangan dalam menjayakan pengajaran dan pembelajarannya. Faktor kekurangan ini berlaku disebabkan kurangnya perhatian terhadap pembelajaran oleh pihak tertentu. Pendekatannya hanya berpandukan kepada cara tradisi yang diwarisi oleh satu generasi kepada generasi yang lain. Pembaharuan kaedah kurang diberi perhatian. (Rosni Samah, 2009: 89).

Menurut beliau lagi, walaupun tiada catatan tentang bentuk pengajaran secara formal pada era tersebut, tetapi kita boleh andaikan bahawa pengajaran bahasa Arab pasti berlaku pada ketika itu. Hal ini kerana telah wujud istilah bahasa Arab seperti wazan (ekonomi dan perdagangan), sultan (pemerintah), nikah (sosial) telah digunakan. Perkara ini telah membuktikan bahawa pengajaran bahasa Arab ini memang telah berlaku pada ketika itu.

Dari sudut kurikulum bahasa Arab itu sendiri, ia mempunyai beberapa peringkat perubahan mengikut perkembangan masa. Contohnya di peringkat sistem pondok, kurikulumnya tidak digubal. Guru hanya menggunakan kitab-kitab yang ditulis oleh ulama-ulama

terdahulu dalam menyampaikan ilmu kepada murid. Ia diajar dari awal kitab hinggalah tamat dan mengikut turutan tahap bidang ilmu tersebut.

Selain itu, langkah ini telah diperkembangkan lagi sehingga ke peringkat menengah dan seterusnya ke peringkat universiti melalui pendekatan dan kurikulum tertentu. Selepas itu, satu lagi langkah bijak yang telah diambil oleh kerajaan iaitu dengan memperkenalkan asas bahasa ini bermula di peringkat rendah lagi iaitu melalui penubuhan j-QAF untuk mendedahkan para murid kepada kemahiran bahasa ini selaras dengan kepentingannya di peringkat global pada masa kini.

Namun begitu, sepanjang perjalanan perkembangan pembelajaran bahasa Arab, terdapat beberapa masalah yang perlu diperkemaskan dalam pembelajaran bahasa Arab. Secara tidak langsung, terdapat banyak lagi kelemahan dalam arus perkembangan tersebut. Kebanyakannya berhubung dengan pendekatan pembelajaran yang terdiri daripada kaedah penyampaian, bahan rujukan, bahan bantu mengajar, kemahiran guru, aktiviti dan ko-kurikulum.

Lantaran itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab seharusnya berlaku satu anjakan paradigma dari segi teknik dan cara pengajaran agar ianya tidak hanya tertumpu kepada cara pengajaran yang berbentuk tradisional semata-mata. Walaupun pada hakikatnya pengajaran cara tradisional juga mempunyai kelebihan yang tersendiri, penggunaan bahan bantu mengajar juga perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut arus perkembangan semasa hari ini.

## **2.3 Kemahiran-kemahiran Bahasa Arab**

Dalam mempelajari sesuatu bahasa, penguasaan terhadap kesemua kemahiran adalah amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya ianya dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Terdapat empat kemahiran dalam mempelajari bahasa Arab, iaitu:

### **2.3.1 Kemahiran Mendengar**

Konsep kemahiran mendengar dalam pembelajaran bahasa ialah mendengar secara aktif terhadap apa yang dipelajari serta berusaha memahami sebutan dan maknanya dengan jelas. Proses pemahaman dalam kalangan kanak-kanak bermula daripada kemahiran mendengar pertuturan orang di sekitarnya. Kemudian perkataan-perkataan bahasa itu akan mereka kuasai secara beransur-ansur dan seterusnya mengucapkan semula perkataan-perkataan tersebut menjadi pertuturan yang mereka fahami. (Abdullah Hassan, 1984: 290).

Dalam pengajaran bahasa Arab, kemahiran mendengar ini amat penting. Mendengar merupakan perkara paling asas dalam mempelajari bahasa Arab. Melalui kemahiran mendengar, murid dapat memahami sesuatu yang didengar dengan betul dan jelas. Kemampuan mendengar yang baik akan membantu mereka menghasilkan pertuturan yang baik. Proses pengajaran untuk mendapatkan kemahiran mendengar ini lazimnya melalui suara guru di dalam kelas.

Dari aspek penggunaan bahan bantu mengajar, kemahiran ini akan lebih berkesan dan afektif jika alatan seperti pita rakaman, slide video, persembahan powerpoint dan lain-lain digunakan. Melalui bahan bantu ini, isi pengajaran seperti sebutan huruf, cara pengucapan kalimah, makhraj huruf dan sebagainya dapat disampaikan dengan pelbagai variasi.



Lantaran itu, ianya perlu digarap dalam pengajaran dan pembelajaran agar timbulnya suasana yang mampu menarik perhatian serta minat murid untuk terus mengikuti dan menguasainya dengan mudah tanpa rasa jemu.

Tambahan pula, menurut Wan Azura, Lubna, Arnida dan Ahmad Pangidoan (2007: 117), murid juga boleh mempertingkatkan kemahiran mendengar melalui kaset-kaset nasyid atau ceramah berbahasa Arab yang boleh didapati di kedai-kedai buku tempatan mahupun antarabangsa. Sekiranya murid-murid berpeluang mengunjungi Pesta Buku Antarabangsa, mereka boleh membeli kaset nasyid Arab kanak-kanak yang kebanyakannya disertai dengan buku lirik nasyid tersebut. Hal ini dapat membantu murid terutamanya murid di peringkat rendah mengetahui perkataan-perkataan yang didengar dengan mudah.

### 2.3.2 Kemahiran Bertutur

Kemahiran bertutur adalah punca segala kemahiran. Ia merupakan satu daripada aspek penting pengajaran Bahasa Malaysia di dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat sekolah rendah ataupun peringkat menengah. (Hanapiah Sudin, 1982: 1). Pendapat ini juga adalah sesuai diaplikasikan dalam pendidikan bahasa Arab.

Untuk membantu pengajaran bahasa dalam mencapai kemahiran bertutur dalam kalangan murid, guru boleh menggunakan alat-alat seperti tayangan slide, persembahan *powerpoint*, bahan-bahan bercetak, gambar-gambar menarik sama ada dalam bentuk nyata atau elektronik, video dan sebagainya. Melalui penggunaan alat-alat ini, berbagai-bagai aktiviti untuk bertutur dapat dijalankan. Apa yang penting di sini ialah kesediaan guru dalam menentukan aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan tahap kebolehan murid.

### 2.3.3 Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca juga merupakan salah satu daripada kemahiran yang diperlukan dalam empat sumber utama kemahiran yang terdapat dalam mempelajari bahasa asing seperti bahasa Arab. Kemahiran ini merangkumi aspek-aspek penting seperti memahami isi kandungan teks, mampu mengeluarkan isi penting yang terkandung di dalam teks tersebut, memberi komen, kritikan membina atau cadangan dan seterusnya mampu membuat kesimpulan tentang teks tersebut dan menceritakan semula dengan ayat yang mudah difahami. (Wan Azura, Lubna, Arnida & Ahmad Pangidoan, 2007: 41).

Tujuan utama kemahiran ini perlu dititikberatkan dalam kalangan murid adalah sebagai melatih para murid agar lebih peka dengan apa yang terkandung dalam bahan bacaan seperti bentuk tulisan, perkataan, frasa serta struktur ayat yang digunakan dalam bahasa Arab dan menyebutnya dengan betul sama ada secara kuat atau secara senyap.

Kemahiran ini juga akan merangsang minda murid untuk memahami secara umum isi kandungan teks yang dibaca. Selain itu, kemahiran ini secara tidak langsung akan melatih murid untuk mencari perbendaharaan kata Arab yang baharu atau mempelajari difahami dengan bertanyakan kepada guru serta mencarinya dalam kamus bahasa Arab. Apa yang lebih penting, ianya dapat menguji tahap kefahaman murid dengan cara menceritakan semula apa yang dibaca dengan gaya bahasa yang mudah difahami.

Antara contoh-contoh bahan bacaan tambahan yang sesuai digunakan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca ini ialah melalui semua jenis bahan bacaan ilmiah iaitu seperti buku, surat khabar, buku cerita kanak-kanak dan sebagainya. Selain itu, skrip drama, cerpen atau novel dan syair drama yang pelbagai juga boleh digunakan.

### 2.3.4 Kemahiran Menulis

Pada peringkat rendah iaitu peringkat permulaan, sebaiknya murid perlu dibiasakan dengan menulis dan menyalin perkataan-perkataan dan ayat-ayat baru agar dapat membiasakan diri dengan menulis dengan betul dan cekap. Kemahiran ini akan menjadi lebih mantap dengan memberi sebanyak mungkin latihan agar murid-murid tidak mudah lupa dan sentiasa mengingati apa yang telah dipelajarinya. Kemahiran ini juga boleh dimantapkan lagi dengan mengambil perkataan dan ayat yang diambil daripada kemahiran-kemahiran lain yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Seperti yang diketahui, kemahiran menulis juga merupakan kemahiran yang perlu diberikan perhatian dalam pembelajaran bahasa. Hal ini kerana dengan menguasai kemahiran menulis akan menjadikan murid lebih mantap dalam menguasai bahasa Arab. Ianya tidak akan lengkap jika setakat mampu bercakap, mendengar dan membaca sahaja. Oleh itu, aktiviti membaca dan menulis memang tidak dapat dipisahkan. Murid haruslah menanam minat yang mendalam terhadap aktiviti membaca dan menulis bahan berbahasa Arab. Menulis dapat membantu para murid merekodkan semula apa yang dibaca agar ianya tidak hilang dengan begitu sahaja. Lebih dari itu, murid akan dapat menambahkan lagi penguasaan menulis dengan lebih baik.

Antara kaedah yang dicadangkan kepada guru dalam proses pengajaran kemahiran menulis ini ialah salin kemudian baca, sempurnakan kemudian baca, sesuaikan kemudian baca, letakkan tanda kemudian baca, bariskan kemudian baca dan sebagainya. Oleh itu, berbagai bahan bantu boleh digunakan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran ini antaranya lembaran kerja bahasa Arab, modul latihan tubi, buku teks dan sebagainya.

Dalam menguasai kemahiran ini, bahan bantu mengajar juga memainkan peranan penting dalam memberi panduan dan tunjuk ajar kepada murid untuk menulis antaranya pendedahan bagaimana untuk menulis huruf-huruf bahasa Arab dengan cara dan teknik yang betul dan mudah. Teknik dan cara yang betul ini sememangnya perlu diberi pendedahan kepada murid pada peringkat permulaan lagi agar murid tidak akan melakukan kesalahan dalam penulisan apabila melangkah ke peringkat yang lebih tinggi. Kemahiran bahasa Arab ini tidak akan diperolehi dalam masa yang singkat tanpa usaha yang berterusan. Apa yang penting, murid perlu menggilap kemahiran bahasa setiap hari dengan mempraktikkan teknik yang betul agar penguasaan yang mantap dan hasil yang maksima dapat dihasilkan. Oleh itu, guru juga mestilah sama-sama membantu para murid dalam menguasainya.

Dengan menggabungjalkan keempat-empat jenis kemahiran asas ini dalam menguasai sesuatu bahasa terutamanya bahasa kedua atau bahasa asing adalah merupakan satu langkah yang bijak kerana setiap satu daripadanya mempunyai perkaitan yang rapat di antara satu sama lain. Tambahan lagi, keempat-empat kemahiran ini akan lebih cepat dikuasai dengan disertai dengan penggunaan BBM yang sesuai dan betul. Oleh yang demikian, penguasaan yang mantap dalam bahasa Arab akan dapat direalisasikan dengan jayanya jika kaedah dan teknik ydalam pengajaran dan pembelajaran digunakan dengan betul.

#### **2.4 Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab**

Menurut Ahmad Kilani (2001: 12), pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam tahun 1950-an dan 1960-an lebih memfokus terhadap kaedah mengenal, menyebut huruf dan perkataan bahasa Arab yang didengar daripada sebutan guru dan melalui latihan

pengulangan sebutan perkataan tersebut. Selain itu, pengajaran bahasa Arab lebih tertumpu kepada pembelajaran nahu Arab. Kaedah seperti ini tidak membawa hasil yang memberangsangkan serta mengambil masa yang panjang sebelum seseorang murid itu boleh menguasai bahasa dengan baik.

Hakikatnya, banyak pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa yang telah dikemukakan oleh para pakar dan pengkaji bahasa sejak dahulu hingga kini. Meskipun istilah pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran sering disebut bersama, sebenarnya ketiga-tiga istilah tersebut mempunyai takrifan yang berbeza dan peranan yang tersendiri.

Abdullah Hassan (1996: 116-128) juga telah menjelaskan dengan panjang lebar beberapa pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang pernah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Antara pendekatan pengajaran bahasa yang telah dibincangkan oleh beliau ialah:

1. Kaedah tatabahasa (nahu) terjemahan
2. Kaedah terus
3. Kaedah bacaan
4. Kaedah dengar dan ajuk
5. Kaedah askar
6. Kaedah eklektik

Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab j-Qaf pula mempunyai sedikit perbezaan daripada pembelajaran bahasa seperti yang dinyatakan di atas. Berdasarkan teori-teori pemerolehan bahasa, terdapat pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab boleh dilaksanakan di sekolah. Namun begitu, pendekatan komunikatif dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah kerana sifat dan tujuan bahasa Arab itu sendiri ialah untuk berkomunikasi. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dijalankan menggunakan kaedah berikut iaitu :

1. Kaedah tematik
2. Kaedah ajuk-hafaz
3. Kaedah semulajadi / kaedah terus
4. Kaedah latih tubi
5. Kaedah eklektik

Walaupun banyak teori dan kaedah pengajaran yang diperkenalkan, namun tidak ada satu pun yang boleh dianggap paling sempurna dan terbaik. Kesempurnaannya adalah sesuatu yang subjektif. Masing-masing mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Sesuatu kaedah mungkin tidak sesuai bagi sesetengah orang tetapi sesuai bagi sesetengah yang lain, tidak relevan pada satu keadaan tetapi relevan pada suatu keadaan yang tertentu. Oleh itu, guru-guru haruslah bijak memilih dan kreatif menggunakannya pada masa yang signifikan.

## **2.5 Mengambil Faedah Daripada Teori-teori Pembelajaran**

Pengajaran bahasa Arab seharusnya mengambil kira teori-teori dan kajian-kajian yang dibuat mengenai pembelajaran dan melaksanakan mengikut kesesuaian yang tertentu.

Antaranya ialah berdasarkan :

### **2.5.1 Teori Pembelajaran Mazhab Behavioris**

Di antara tokoh-tokoh mazhab behavioris yang terpengaruh dalam pembentukan teori pembelajaran ialah Pavlov, Thorndike dan Skinner. Mereka berpendapat bahawa pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku. Kebanyakan teori pembelajaran mereka adalah dihasilkan daripada pemerhatian dan ujian ke atas haiwan seperti anjing, tikus, kucing, dan burung dalam keadaan bilik makmal. Ujian mereka ditumpukan kepada perhubungan rangsangan dan gerak balas yang menghasilkan perubahan tingkah laku. Menurut mereka, tingkah laku murid boleh diperhatikan, dikawal dan diramal. Mereka menekankan bahawa perkaitan gerak balas individu dengan rangsangan adalah sesuatu proses pembelajaran, demi membentuk sesuatu tingkah laku yang baru. (Mak, 2008: 99).


#### **2.5.1.1 Pendekatan Behavioris dan Bahan Bantu Mengajar**

Menurut Pateda (1991: 75), apabila pendekatan behavioris dikaitkan dengan kerja-kerja penyusunan bahan pengajaran bahasa, maka isi kandungan bahan pengajaran yang disediakan mestilah melengkapinya bagi keperluan murid serta dapat merangsangkan murid. Dengan erti kata lain, bahan pengajaran merupakan satu rangsangan dari rangsangan-rangsangan pengajaran bahasa yang dapat mengembangkan kemampuan bahasa murid.


### 2.5.1.2 Implikasi Teori Pelaziman Pavlov dalam Pengajaran-Pembelajaran

Mengikut teori pelaziman klasik Pavlov, gerak balas positif dapat dipupuk melalui pelaziman klasik. Proses pelaziman ini adalah dihuraikan dalam Rajah 2.1 berikut :


#### *Sebelum Pelaziman*



#### *Semasa Pelaziman*



#### *Selepas Pelaziman*



Model Pembelajaran Pelaziman Pavlov yang asalnya mula digunakan dalam bidang fisiologi pula dapat diaplikasikan dalam bidang tingkah laku pembelajaran manusia. Contohnya, apabila kita ingin mengajar kanak-kanak sekolah rendah dengan perkataan ‘pensil’, mereka akan sebut bunyinya apabila ditunjukkan sebatang pensil di depan mereka.



Oleh itu, penggunaan BBM adalah sangat selari dengan teori ini dalam pembelajaran iaitu untuk mendapatkan rangsangan dan gerak balas. Seperti yang telah diketahui, tujuan dan matlamat penggunaan BBM itu sendiri adalah untuk menarik minat murid dan untuk mendapatkan rangsangan daripada para murid.

### 2.5.2 Teori Konstruktivisme

Menurut Mak (2008: 126), teori konstruktivisme menegaskan bahawa ilmu pengetahuan tidak boleh wujud di luar minda, tetapi dibina dalam minda berdasarkan pengalaman sebenar. Teori konstruktivisme mempunyai erti yang serupa dengan *Teori Konstruktivisme Kognitif* atau *Konstruktivisme*. Mengikut Von Glaserfeld, konsep konstruktivisme berasaskan andaian-andaian berikut:

- Ilmu pengetahuan adalah dibentuk oleh individu yang mengambil inisiatif sendiri.
- Tujuan membentuk ilmu adalah mengubahsuai diri dalam alam sekitarnya.
- Proses pembentukan ilmu merupakan hasil rasionalisasi pengalaman individu.
- Idea konstruktivisme berasal daripada *teori perkembangan kognitif Piaget* dan *Teori Zon Perkembangan Prokimal (Zone of Proximal Development, ZPD) Vygotsky* (1896-1934).
- Mengikut beliau, idea zon perkembangan prokimal (ZPD) ialah prestasi murid, di bawah bantuan orang dewasa atau kerjasama rakannya, menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah melebihi daripada kebolehan diri sendiri, dan dengan ini, mencapai perkembangan peringkat potensi yang lebih tinggi.

### 2.5.2.1 Implikasi Teori Konstruktisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran

- i) Mengikut Teori Konstruktivisme, di dalam pengajaran dan pembelajaran, peranan guru adalah merupakan penolong, pemudahcara dan perancang, sedangkan murid memainkan peranan utama dalam aktiviti pembelajaran.
- ii) Model pengajaran dan pembelajaran yang sesuai digunakan sekali digunakan ialah pembelajaran secara koperatif dan kolaboratif.
- iii) Kaedah dan teknik mengajar tradisi, seperti syarahan, menghafal dan mengingat, adalah tidak sesuai digunakan untuk membentuk ilmu lagi.
- iv) Pengalaman dan kesediaan murid adalah faktor penting yang mempengaruhi proses pembentukan ilmu.
- v) Keutamaan pembelajaran adalah ditumpukan kepada hasil perolehan di dalam bidang konstruktivisme, khasnya dalam zon perkembangan prokimal.
- vi) Bentuk dan alat penilaian terhadap pembentukan ilmu hendaklah dibentuk oleh guru dan murid bersama-sama. (Mak, 2008: 149).

### 2.5.3 Teori Edgar Dale (1942) Dalam Pembelajaran

Pembelajaran yang baik tidak hanya menumpukan pada satu aspek semata-mata, malahan kepelbagaian dalam kaedah pengajaran merupakan faktor utama dalam menarik minat para murid untuk mendalami sebarang ilmu. Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) adakalanya membosankan para murid sekiranya topik atau tajuk yang dibincangkan tidak

menarik minat dan perhatian mereka. Untuk itu, guru memainkan peranan penting dalam usaha untuk menarik minat murid di samping mengaplikasikan segala kemahiran yang ada untuk kembali memancing supaya murid dapat memahami dengan tepat mengenai sesuatu topik yang dibincangkan. Dengan itu, Kon Pengalaman Pembelajaran Dale merupakan garis panduan yang boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya murid dapat memahami dengan mendalam mengenai apa yang cuba disampaikan. Dalam kon ini, Dale mengklasifikasikan bahawa media dan teknik yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk proses pembelajaran berkesan.



Rajah 2.2 : Kon Pengalaman Pembelajaran Dale

Jelaslah bahawa kon pengalaman pembelajaran Dale ini juga menekankan dan menggalakkan penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Oleh itu, teori pembelajaran Dale ini sangat sesuai diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

#### 2.5.4 Model Robert Glazer

Robert Glozer mengemukakan model pengajarannya dengan membahagikan proses pengajaran kepada komponen utama iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada murid, kaedah mengajar dan penilaian. Beliau juga menekankan maklum balas murid sebagai aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut beliau, objektif pengajaran harus ditentukan sesuai dengan pengetahuan sedia ada murid. Seterusnya, penilaian harus dijalankan ke atas segala proses pengajaran dengan tujuan untuk mengesan kelemahan, agar guru dapat mengubahsuai proses pengajarannya, demi meningkatkan keberkesanan pengajaran pada masa hadapan. Kesimpulannya, Model Pengajaran Robert Glozer dibina berlandaskan konsep pengajaran sebagai suatu proses yang menitikberatkan langkah-langkah pengajaran iaitu perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. (Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 2003: 16).

### **2.6 Bahan Bantu Mengajar**

Dalam situasi pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar turut memainkan peranan penting oleh guru bagi memudahkan dan melancarkan pemahaman murid. Dalam hal ini, kesesuaian dan bentuk bahan serta cara penggunaan adalah menjadi salah satu persoalan. Oleh itu, penerangan mengenai bahan bantu akan dijelaskan dengan lebih terperinci.

#### 2.6.1 Definisi Bahan Bantu Mengajar

Menurut Musa Sulaiman (2005), bahan bantu mengajar ialah segala kelengkapan yang digunakan oleh guru atau murid untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran di dalam kelas. Peralatan mengajar bukan terhad kepada buku-buku teks, papan hitam, kapur dan gambar-gambar sahaja, tetapi ia merangkumi segala benda yang digunakan dalam

pengajaran yang melibatkan semua pancaindera melihat, mendengar, rasa, hidu dan sebagainya, merangkumi apa sahaja yang dapat dialami oleh murid-murid.

Alat dan bahan pengajaran dan pembelajaran juga ialah apa sahaja perkara atau benda yang diperlukan dan digunakan oleh guru untuk membantu murid belajar dengan lebih berkesan dan menarik. Atan Long (1982:174) berpendapat, bahan-bahan pengajaran dan alat bantu mengajar ada berbagai-bagai. Bahan-bahan itu mungkin dalam bentuk buku, carta atau slaid yang dipancarkan pada layer. Bahan-bahan yang menyokong penyampaian pembelajaran diberi nama bahan bantu mengajar.

A.El-Araby (1974), pula mendefinisikan alat bantu sebagai sebarang benda, program atau mesin yang digunakan untuk membantu guru atau murid menjelaskan pelajaran dengan lebih baik dinamakan alat bantu mengajar seperti yang dinyatakan;

*“Film, filmstrips, TV programmes, as well as machines used to show them, can be used as teaching aids. Pictures, the recorded voiced models are also considered teaching aids. In fact my material, programme or machine used to help the teacher explain his lesson better is included under learning aids. There are many ways in which aids can be grouped.”*

(pp. 140-141)

Berbagai-bagai definisi telah diberikan oleh para sarjana mengenai bahan bantu mengajar. Namun begitu, tidak ada satu takrifan yang khusus bagi menjelaskan maksud sebenar bahan bantu mengajar. Walaubagaimanapun, pada keseluruhannya ramai pendidik yang bersetuju bahawa penggunaan bahan bantu pengajaran dalam situasi pengajaran dan pembelajaran melibatkan penggunaan deria penglihatan dan pendengaran seseorang murid.

Walau apa pun takrifan yang diberi, semua definisi di atas jelas menekankan bahawa bahan bantu mengajar (BBM) merupakan benda atau alat yang digunakan bagi memudahkan

pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, bahan bantu mengajar bolehlah disifatkan sebagai sebarang alat atau bahan sama ada berbentuk bahan maujud, audio video atau audio visual yang digunakan semasa berlangsungnya aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bahan bantu mengajar adalah faktor terpenting dalam menentukan kejayaan program pembelajaran, menimbulkan rangsangan keinginan murid-murid untuk mengetahui sesuatu dan untuk menjadikan pembelajaran baik dan lebih menarik. Oleh itu, bahan bantu mengajar bukanlah merupakan sesuatu yang tersisih daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Malahan bahan bantu mengajar ialah satu bahagian yang padu dalam proses tersebut. Bahan itu bertujuan menambah kelancaran perhubungan antara guru dengan murid dan sebaliknya, murid sesama murid dan membantu mempercepatkan proses pemahaman mereka (Noraziah Abd.Hamid, 1981: 2). Pendapat ini disokong sama oleh Edgar Dale (1964) yang digambarkan dalam bentuk "*cone of experience*" di mana proses pembelajaran bermula dengan proses aspek semi-abstrak hingga kepada yang lebih abstrak. Penggunaan BBM juga sebahagian daripada kaedah dan idea-idea yang disampaikan oleh guru kepada murid-muridnya.

#### 2.6.2 Pembahagian BBM

BBM boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Mohd. Dahalan (1989: 60) menyatakan bahawa pada umumnya alat pengajaran dan pembelajaran boleh dikategorikan kepada tiga jenis. Jenis yang pertama adalah bahan bantu mengajar yang asas, contohnya papan tulis (papan hitam, papan hijau, papan putih), buku teks dan bahan pameran. Jenis yang kedua pula adalah bahan bantu mengajar bukan elektronik, contohnya buku, majalah, akhbar, lukisan, model, papan flanel, bahan-bahan sebenar dan sebagainya. Manakala jenis

yang ketiga adalah bahan bantu mengajar elektronik, contohnya radio, televisyen, perakam pita, video, *projector overhead (OHP)*, pita slaid, komputer dan sebagainya.

Tambahan pula, alat-alat yang hendak digunakan sepatutnya mengandungi bahan yang sesuai bergantung kepada tajuk, kemahiran dan objektif yang telah ditentukan oleh guru dalam mata pelajaran yang hendak disampaikan. Contohnya dalam pengajaran dan pembelajaran j-QAF, bahan bantu mengajar boleh didapati dari pelbagai sumber. Antaranya bahan yang telah disediakan oleh kementerian seperti kad imbasan, gambar, buku teks, buku lembaran kerja dan sebagainya. Selain itu, bagi guru yang kreatif dan mempunyai minat yang mendalam dalam mengajar, mereka juga boleh menggunakan idea sendiri dalam mencipta bahan-bahan tambahan yang sesuai digunakan dalam pengajaran mereka, yang mana bahan tersebut boleh membantu meningkatkan kefahaman murid sekaligus dapat meningkatkan minat murid dalam mempelajari bahasa tersebut.

Jenis-jenis BBM yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab j-QAF adalah terdiri dari bahan bantu mengajar bukan elektronik contohnya gambar, kad imbasan, kad cantuman, papan mengajar seperti papan tulis, papan magnet, papan flanel dan papan gulung dan alat bantu mengajar elektronik contohnya pita rakaman radio, makmal bahasa, komputer, filem projektor dan *overhead*. Walaupun dunia sekarang mengalami dunia yang sangat canggih dalam bidang teknologi pendidikan, namun begitu para guru juga harus bijak memilih bahan yang bersesuaian dengan objektif pelajaran tersebut agar tidak membuang masa dengan begitu sahaja. Apa yang paling penting, objektif pengajaran itu tercapai dengan jayanya.

### 2.6.3 Kepentingan BBM

BBM mempunyai kepentingan dan kelebihannya yang tersendiri kepada para murid malahan memberi kepentingan kepada para guru juga. Pendapat ini telah disokong oleh Mohd. Dahalan bin Mohd. Ramli, (1990: 60) yang menyebut bahawa BBM bukan sahaja penting untuk murid malahan juga untuk guru. Kepentingan untuk murid di antaranya adalah untuk merangsang murid belajar, menyediakan asas yang kuat dalam memahami dan mengingati sesuatu konsep yang sedang dipelajari, menghasilkan pembelajaran yang kekal, membantu perkembangan intelek, mewujudkan penglibatan murid secara aktif dan memperkukuh dan memperkayakan pengetahuan dan pengalaman murid.

BBM memainkan peranan yang penting dalam membangkitkan rangsangan serta minat murid untuk mengetahui dengan lebih mendalam terhadap sesuatu aspek pengajaran yang disampaikan. Di samping jenis-jenis BBM yang sedia terdapat di sekolah, ia juga boleh dihasilkan oleh guru-guru daripada berbagai-bagai jenis bahan sama ada yang mudah atau yang kompleks. Kadangkala, benda-benda yang terdapat di sekeliling kita juga boleh dijadikan BBM mengikut kesesuaian pelajaran yang disampaikan.

Kepentingan BBM untuk para guru pula adalah menjimatkan masa sewaktu guru mengajar di sesebuah kelas, memudahkan guru menggunakan bahan yang dibina secara berulang-ulang, sama ada di kelas yang sama atau di kelas-kelas yang lain, mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran dengan lebih selesa dan menarik, memantapkan kemahiran guru apabila sesuatu bahan dan alat bantu itu sering digunakan, dapat menambahkan pengetahuan tentang penggunaan pelbagai bahan dan alat bantu mengajar dan seterusnya memberi keyakinan kepada guru untuk mengajar dengan lebih berkesan.



Hal ini juga telah disokong lagi oleh Atan Long (1991: 18) yang menyatakan bahan bantu mengajar amat penting. BBM digunakan dengan tujuan untuk menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna. Dengan menggunakan BBM, guru boleh mengeksploitasikan sebanyak mungkin pancaindera murid.

Mengikut Charles F. Hoban, James D. Finn dan Edgar Dale ( 1964: 65 ) kepentingan BBM bolehlah dirumuskan seperti berikut iaitu menyediakan satu asas yang kuat untuk sesuatu konsep, sebagai daya penarik penting kepada seseorang murid, dapat menghasilkan pembelajaran yang lebih kekal, memberi pengalaman sebenar yang boleh merangsangkan aktiviti sendiri di kalangan murid, dapat membina pemikiran yang berterusan seperti melalui filem bergerak, boleh membantu pemahaman dan perkembangan perbendaharaan kata murid dan juga boleh memberi pengalaman baru dan menjadikan pembelajaran lebih mendalam dan beragam.

Bagi melihat keberkesanan bahan bantu mengajar, sebenarnya ia bergantung kepada berapa banyak deria yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku. Semakin banyak deria digunakan, semakin berkesan sesuatu pembelajaran itu. Hal ini telah disokong oleh beberapa kajian yang dijalankan antaranya mengenai peratus maklumat yang diterima daripada persekitaran melalui lima deria manusia iaitu deria lihat sebanyak 75%, deria dengar sebanyak 15% dan melibatkan deria sentuh, rasa dan hidu sebanyak 10%. (Rudin salinger, 1990: 9).

Terdapat juga kajian-kajian lain yang menguatkan kepentingan penglihatan dan penggunaan teknik-teknik yang menumpukan kepada deria penglihatan dalam penyampaian pengajaran. Misalnya, satu kajian lain yang telah dijalankan di Amerika Syarikat walaupun

maklumat yang diperolehi adalah satu anggaran sahaja, namun ia boleh digunakan sebagai satu petua umum dan dijadikan petua kepada cara kita menyampaikan sesuatu pengajaran. Kajian tersebut menunjukkan bahawa daripada sesuatu pengajaran, murid-murid dapat mengingat 10% daripada apa mereka baca, 20% daripada apa yang mereka dengar, 30% daripada apa yang mereka lihat, 50% daripada apa yang mereka dengar dan lihat, 70% daripada apa yang mereka sebut, dan 90% daripada apa yang mereka sebut semasa mereka membuat sesuatu. Hal ini menunjukkan dengan jelas bahawa kebenaran kenyataan yang tidak ada satu kaedah yang terbaik, tetapi cara yang terbaik memerlukan penggunaan berbagai kaedah. (Rudin Salinger, 1990: 11).

Menurut Rudin Salinger lagi, satu kajian lain telah dijalankan untuk mengetahui beberapa banyakkah yang seseorang itu boleh ingat selepas tiga hari. Seperti yang boleh diperhatikan daripada keputusannya, berapa banyak yang boleh diingat semula adalah kurang daripada apa yang diingat pada hari pertama. Perkara ini memang sudah dijangkakan dan memang akan terjadi. Manusia biasanya terlupa perkara yang telah mereka muridi. Maklumat yang didapati selepas tiga hari iaitu 10% pengajaran secara lisan sahaja, 20% pengajaran secara penglihatan sahaja dan 65% pengajaran secara lisan dan penglihatan. Satu peribahasa Cina berbunyi seperti “saya dengar dan saya lupa”, “saya lihat dan saya ingat”, dan “saya buat dan saya faham.

Menurut Abu Bakar Muhammad (1981: 2) pula, hasil keberkesanan pengajaran bergantung kepada tiga faktor, iaitu penyediaan bahan pengajaran yang baik dan sempurna, kaedah pengajaran yang baik dan kemampuan para murid untuk berusaha menerima pelajaran yang diberikan dan cuba memahami dengan sebaik-baiknya. Ianya adalah merupakan komponen

penting dalam sesuatu institusi pendidikan yang lazimnya berkait rapat dengan guru-guru dan para murid.

#### 2.6.4 Kriteria-kriteria Pemilihan BBM

Menurut Asmah Hj. Omar (1984), pemilihan bahan pengajaran mestilah dilihat dari tiga sudut :

- i) Sudut guru ( tujuan dan objektif pengajaran)
- ii) Sudut murid (kesesuaian dan peringkat umur)
- iii) Sudut pedagogi dan terancang (penggunaan bahasa dan penyampaiannya, jangka masa dan lain-lain lagi).

A.J. Romiszowki (1964: 75) dalam Tai Pik Quan (2004) pula menyatakan bahawa media pengajaran yang sesuai harus mempunyai ciri-ciri seperti kesesuaian, kewibawaan atau kredibiliti dan kemaskini, aspek- aspek teknikal berkaitan dan dari segi ciri-ciri fizikal atau format. ‘Kesesuaian’ bermaksud konsep mata pelajaran boleh diikuti oleh murid, tajuk dan keterangan berkaitan dengan mata pelajaran, perbendaharaan kata dan bahasa yang digunakan boleh difahami oleh murid sama ada individu atau kumpulan, keterangan tentang isi pula perlulah tepat, tidak membosankan malah mampu menarik imaginasi, minat dan perasaan.

Keberkesanan BBM dalam membantu mempercepatkan proses pemahaman murid terhadap apa yang dipersembahkan bergantung kepada kriteria-kriteria tertentu. Jenis-jenis BBM yang dipilih mestilah difahami oleh para murid dengan mudah, cepat dan betul untuk menerangkan sesuatu perkataan yang menunjukkan sesuatu benda. Guru boleh

menunjukkan kepada murid objek sebenar atau objek tiruan yang menyerupai objek sebenar.

Kriteria pemilihan BBM yang berikut pula haruslah mempunyai warna yang sesuai. Hal ini adalah kerana warna yang sesuai perlu digunakan pada BBM untuk memudahkan lagi aliran kefahaman murid kerana warna boleh mempengaruhi murid. Penggunaan warna yang terlalu banyak dan terlalu berkilau akan mengalihkan tumpuan murid.

Di samping itu, pemilihan BBM juga haruslah bersesuaian dengan kurikulum. Pengajaran yang disampaikan melalui BBM harus selaras dengan kurikulum pengajaran yang telah ditetapkan sama ada dari segi kemahiran isi dan susunannya. Ini kerana isi pengajaran yang tidak sesuai serta terkeluar dari matlamat dan kandungan kurikulum tidak banyak memberi manfaat malahan boleh menyebabkan murid berada dalam keadaan tertekan di samping menambah beban dan membuang masa.

Pemilihan BBM yang baik digunakan tidak semestinya kerana harganya mahal. Malah satu BBM yang baik mungkin dihasilkan oleh guru sahaja, guru dan murid atau murid-murid dengan bimbingan guru dengan bahan-bahan terpakai atau kos yang murah. Apa yang penting, ianya mampu menyumbang ke arah pencapaian objektif pengajaran. Antara ciri-ciri BBM yang baik ialah:

- 1- Isi kandungannya berguna dan penting kepada murid serta boleh menarik minat murid;
- 2- Format dan corak persembahan boleh memberi kesan kepada organisasi dan susun atur aktiviti murid;

- 3- Isi kandungan dan persembahannya sesuai dengan keadaan dan nilai semasa;
- 4- Bahan bantu mengajar perlulah sederhana, mudah diguna dan mudah didapati;
- 5- Bahan itu juga bersifat fleksibel iaitu boleh digunakan untuk lebih dari satu mata pelajaran, contohnya bagi mata pelajaran Bahasa Arab dan Pendidikan Islam;
- 6- Boleh dipindah dari satu tempat ke satu tempat dengan mudah tanpa mendatangkan gangguan pada fungsinya yang asal. Ini bermakna alat itu perlulah tidak terlalu besar atau terlalu berat;
- 7- Boleh diganti dengan senang dan murah jika berlaku kerosakan;
- 8- Senang untuk disimpan dan tidak merbahaya;
- 9- Boleh digunakan berulang kali.

Namun begitu, terdapat beberapa prinsip umum yang perlu dititikberatkan juga bagi membolehkan guru-guru menilai bahan-bahan pengajaran mereka. Antara prinsip-prinsip umum pemilihan bahan pengajaran ialah:

- i. Bahan pengajaran mestilah berkaitan dengan matlamat dan objektif pengajaran. Seboleh-bolehnya sebelum guru memilih bahan pengajaran yang hendak digunakan, guru perlu menentukan objektif pengajaran atau matlamat pengajaran yang hendak dicapai terlebih dahulu, agar pemilihan bahan pengajaran tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya.
- ii. Mempunyai perkaitan antara aspek bahasa, proses pembelajaran dan pelajaran. Ketiga-tiga aspek ini perlu ditekankan sama rata. Bahan pengajaran yang baik tidak

hanya menekankan kepada aspek bahasa dan penggunaannya sahaja, malah perlu mengambil kira perkembangan para murid melalui penggunaan bahan-bahan pengajaran yang dipilih. Memandangkan proses pembelajaran sekarang lebih cenderung berpusat kepada murid (*student oriented*), guru perlu lebih peka terhadap situasi murid dan bukan hanya mementingkan aspek pengajaran semata-mata.

- iii. Boleh melengkapkan murid untuk menggunakan bahasa secara efektif. Guru perlu mengambil kira kandungan pengajaran yang hendak disampaikan kepada para murid dan kepentingan mereka mempelajarinya. Semasa penyampaian bahan pengajaran dilakukan, aktiviti yang pelbagai perlu ditimbulkan agar murid mendapat latihan yang mencukupi untuk diaplikasikan kepada situasi yang sebenar dan memudahkan para murid untuk berkomunikasi dengan masyarakat.
- iv. Sesuai dengan hasrat falsafah pendidikan negara. Tujuannya adalah untuk melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.
- v. Sesuai dengan keadaan dan nilai semasa. Bahan pengajaran yang dipilih perlulah mengikut peredaran zaman ataupun keadaan semasa. Guru tidak boleh hanya menggunakan bahan-bahan pengajaran yang lepas tetapi perlu ada pembaharuan kerana murid lebih cenderung kepada sesuatu yang baru.
- vi. Boleh mencabar pemikiran murid. Bahan pengajaran juga hendaklah terdiri daripada bahan-bahan yang boleh mencabar pemikiran murid. Contohnya, bahan-bahan pengajaran yang senang kepada yang lebih susah, bahan-bahan yang konkrit kepada sesuatu yang abstrak dan yang seumpamanya.

## **2.7 Rasional Pembinaan Konsep Bahan Bantu mengajar dalam KBSR**

Rangsangan pembelajaran merupakan cara guru membawa sesuatu yang jauh ke dalam bilik darjah. Oleh itu, penggunaan alat bantu mengajar boleh mendekatkan dan mencetuskan pemahaman dan kejelasan sesuatu konsep, idea atau fakta tertentu di kalangan murid. Maka secara tidak langsung, murid-murid dapat berfikir dan membayangkan sesuatu yang sedang diterangkan oleh guru. Keadaan ini amat berlainan dengan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) yang menekankan pelbagai jenis alat dan bahan. Dengan erti kata lain, KBSR membawa reformasi kepada tanggapan guru iaitu dengan mengutarakan kepentingan menggunakan pelbagai alat dan bahan untuk keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam usaha mencapai matlamat pendidikan. (Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin, 1990: 48-49).

## **2.8 Matlamat penggunaan BBM di peringkat j-QAF**

Oleh sebab penggunaan BBM semakin meluas dalam kalangan guru, maka terdapat berbagai-bagai jenis BBM dalam dunia pengajaran moden. Kadangkala situasi pengajaran dan pembelajaran yang semakin kompleks memerlukan guru menggunakan BBM bagi memudahkan kefahaman murid terhadap sesuatu pelajaran.

Seperti yang kita ketahui, manusia mempunyai deria yang memberikan kemampuan untuk mentafsir beribu-ribu rangsangan yang datang daripada persekitaran. Rangsangan-rangsangan itu terdiri daripada pelbagai perubahan antaranya perubahan dalam keadaan cahaya, warna, bunyi, tekanan, suhu dan lain-lain. Lebih-lebih lagi bagi murid-murid diperingkat sekolah rendah yang memerlukan penggunaan segala deria yang ada pada diri mereka seperti deria rasa, pandang, dengar, dan sebagainya untuk menguasai kemahiran asas membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

Menurut Wan Mohd. Zahid (1990: 48), penggunaan alat dan bahan memungkinkan berlakunya proses perkongsian maklumat, idea, pandangan, sikap dan nilai antara guru dengan murid, murid dengan murid, dan yang amat penting sekali dalam pembelajaran bahasa ialah tercapainya penguasaan kemahiran bahasa yang telah ditetapkan. Jika guru hanya bercakap dengan menggunakan kapur, dan murid hanya mendengar sahaja, pembelajaran bahasa akan gagal kerana murid hanya mempelajari bahasa dengan secara abstrak dan kapur, dan tidak mungkin pembelajaran bahasa itu akan dapat dicapai dengan jayanya sedangkan pengalaman murid sendiri amat penting dalam menguasai kemahiran bahasa.

Secara dasarnya, bahan pengajaran dan pembelajaran memang sangat membantu seseorang guru, terutama bagi yang mengajar mata pelajaran bahasa khususnya bahasa asing seperti bahasa Arab. Hal ini adalah kerana bahasa tersebut dianggap sebagai bahasa yang membosankan. Oleh itu, bagi guru-guru yang hanya masuk ke kelas dan hanya menggunakan kata-kata, suara, isyarat, papan tulis dan kapur sahaja, tidak akan mengembangkan keintektualan murid dengan berkesan, kerana murid hanya mendengar dan mempelajari sesuatu secara abstrak, jauh dan kabur.

Oleh yang demikian, guru seharusnya tidak mengamalkan cara pengajaran yang berbentuk tradisi sahaja, iaitu hanya bercakap dan menggunakan kapur sahaja. Dengan ini, murid hanya menggunakan satu deria sahaja iaitu deria mendengar. Keadaan ini sebenarnya boleh menyebabkan suasana yang hambar ketika belajar dan akan mengundang perasaan mengantuk dalam kalangan murid. Sepatutnya guru-guru terutamanya guru bahasa Arab menggunakan alat dan bahan bacaan yang sesuai, menarik dan mencabar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terutamanya bagi murid pada peringkat rendah iaitu melalui



program bahasa Arab j-QAF agar semua deria murid-murid dapat dilatih untuk pembelajaran yang lebih berkesan.

## **2.9 Dasar Perluasan j-QAF**

Dalam dasar perluasan j-QAF, terdapat beberapa maklumat penting yang diterangkan iaitu berkaitan dengan perlaksanaan, takrif, matlamat, objektif program dan strategi pelaksanaan yang dijalankan.

### **2.9.1 Program j-QAF**

Bagi Peluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi ia akan dilaksanakan sepertimana perlaksanaan BAK sebagai bahasa tambahan di SK pada masa ini, iaitu selama dua waktu seminggu. Ianya diajar bersama-sama dengan Mata Pelajaran Bahasa Cina Komunikasi (BCK) dan Bahasa Tamil Komunikasi (BTK).

### **2.9.2 Takrif**

Model Perluasan Perlaksanaan Bahasa Arab bermaksud perlaksanaan mata pelajaran bahasa Arab diperluaskan kepada semua murid di sekolah-sekolah yang melaksanakan Program j-QAF. Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas 13 / 2004 : Perlaksanaan Program j-QAF di sekolah rendah (KP (85) 8591 / Jld.xvii (13) bertarikh 30 Disember 2004, “status mata pelajaran ini adalah sebagai mata pelajaran pilihan. Walau bagaimanapun murid (Islam) hendaklah memilih Bahasa Arab Komunikasi sekiranya tidak mengambil Mata Pelajaran Bahasa Cina Komunikasi dan Bahasa Tamil Komunikasi.” Murid bukan Islam diberi pilihan sama ada ingin mengambil Bahasa Arab atau tidak.

### 2.9.3 Matlamat

Pengajaran dan pembelajaran bahasa di peringkat rendah bermatlamat menanam minat mempelajari bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah.

### 2.9.4 Objektif program bahasa Arab j-QAF

Objektif yang ingin dicapai di akhir pembelajaran sekolah rendah iaitu murid dapat mendengar bunyi huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab dan memahaminya, menyebut dengan betul huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab, bertutur dalam bahasa Arab berdasarkan situasi tertentu dan memahaminya, membaca dengan betul dan memahami perkataan dan ayat bahasa Arab, menulis dengan betul huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab dan memahaminya dan akhirnya murid diharapkan dapat menulis petikan berdasarkan situasi tertentu menggunakan ayat-ayat mudah dan memahaminya.

### 2.9.5 Strategi Pelaksanaan

Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan masa sedia ada Bahasa Arab di sekolah kebangsaan iaitu 60 minit seminggu (30 minit x 2 waktu ) seperti yang dinyatakan seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2002 KP (BS) 8591 Jilid xvii (8) bertarikh 1 Oktober 2002. Penawaran Mata Pelajaran Bahasa Arab Tambahan di sekolah kebangsaan (SK).

Peruntukan Mata Pelajaran Bahasa Arab ini mestilah berada di dalam jadual waktu rasmi persekolahan. Model ini dilaksanakan berpandukan kepada 10 unit atau topik yang terkandung dalam pakej buku ini terdiri daripada Buku Teks dan Buku Panduan Guru yang dibina berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP)

bahasa Arab. Buku Latihan Aktiviti hanya disediakan untuk setiap murid tahap satu sahaja melalui Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT).

Guru bahasa Arab hendaklah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berpandukan agihan aktiviti, hasil pembelajaran yang dicadangkan seperti di dalam jadual Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR). Bagi membantu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, guru-guru disarankan menggunakan bahan bantu yang dibekalkan ke sekolah-sekolah iaitu buku latihan tubi. Buku ini dibekalkan untuk membantu guru bahasa Arab memberi pengukuhan dan pengayaan kepada murid. Di samping itu, guru juga boleh menggunakan latihan-latihan di dalam buku tersebut sebagai instrumen kepada murid.

## **2.10 Penutup**

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa guru yang cemerlang khususnya kepada guru j-QAF sememangnya digalakkan menggunakan BBM dalam pengajaran mereka agar pengajaran mereka tampak lebih kreatif dan sekaligus merangsang minat murid untuk mempelajari bahasa Arab. Diharapkan penggunaan bahan bantu mengajar dapat membantu memudahkan guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah rendah serta membantu perkembangan dan peningkatan penguasaan bahasa Arab ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang.

Pemilihan dan penyesuaian bahan pengajaran adalah penting untuk pengajaran bahasa Arab khasnya dan pengajaran mata pelajaran yang lain amnya. Kebolehan guru mempelbagaikan bahan-bahan bantu mengajar dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan lebih baik dan kreatif. Manakala bagi para murid pula, kepelbagaian bahan-bahan pengajaran tersebut dapat menarik minat dan perhatian mereka untuk menumpukan

perhatian sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Selain itu, guru juga perlu memastikan kesemua bahan pengajaran yang digunakan memenuhi matlamat pengajaran dan bersesuaian dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran. Seperti yang diketahui, kebanyakan para murid dalam pembelajaran dan motivasi serta minat mereka terhadap sesuatu mata pelajaran yang dipelajari mempunyai hubungan rapat dengan kebolehan dan kekesanan guru mengajar. Guru mempunyai peranan yang penting dalam menentukan sama ada matlamat pencapaian akademik para murid di sekolah tercapai atau tidak.